

24 MAY 2003

Mahathir-Lawat

PM BERLEPAS KE ALOR STAR SELEPAS LAWATAN DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas ke Alor Star dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini selepas mengadakan lawatan sehari ke negeri ini.

Dr Mahathir yang tiba di lapangan terbang pada pukul 6 petang ini disambut oleh kira-kira 1,000 anggota parti komponen Barisan Nasional bagi mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Turut hadir untuk mengucapkan selamat jalan ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalannya Datuk Dr Hilmi Yahaya, barisan Exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan.

Sebelum Dr Mahathir menaiki pesawat khas, pengetua Maahad Tahfiz Jabatan Agama Islam Negeri Ahmad Haji Hashim membacakan doa selamat.

Dr Mahathir dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke Kedah, Pulau Pinang dan Langkawi yang bermula semalam.

Lawatan Perdana Menteri ke negeri ini juga adalah bersempena dengan lawatan kerja tiga hari Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah ke Pulau Pinang.

Semasa di sini, Dr Mahathir dan Sultan Hassanal Bolkiah menunggang kuda di sekitar kawasan pesisiran pantai di Hotel Penang Mutiara di Teluk Bahang sebelum mengadakan perbincangan dua hala dan majlis santapan tengah hari di Hotel E&O di Lebuhraya Farquhar di sini.

Perdana Menteri juga merasmikan projek tebusguna tanah Tanjung Pinang di Tanjung Tokong sebelum berlepas pulang.

Dr Mahathir dijadual melepaskan perenang Cabaran Langkawi Abdul Malik Mydin yang akan berenang dari Kuala Perlis ke Langkawi malam ini.

-- BERNAMA

NER RHM